

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Saya bersyukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat bersama-sama berkumpul di Konvensyen Koperasi Pekebun Kecil (KPK) atas anjuran pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Bagi pihak RISDA, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia atas kesudian dan kerjasama dalam menjayakan Konvensyen

2

Koperasi Pekebun Kecil (KPK) ini untuk memberi maklumat dan berkongsi pengetahuan bersama Koperasi Pekebun Kecil bagi meningkatkan prestasi dan kemajuan koperasi.

Melalui Konvensyen ini, saya berharap peluang-peluang perniagaan yang dibuka ini dapat direbut dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengurusan koperasi untuk meningkatkan kemajuan perniagaan dan mampu menambah pendapatan koperasi.

3

Sekalung ucapan terima kasih kepada pihak SKM yang telah bersetuju membenarkan pegawai-pegawai RISDA untuk memeriksa buku-buku dan lain-lain dokumen Koperasi Pekebun Kecil (KPK) sebagaimana yang diperuntukkan di bawah **KLAUSA 64 AKTA KOPERASI 1993 (AKTA 502) PINDAAN HINGGA 19 JULAI 2007.**

4

KLAUSA 64 AKTA KOPERASI 1993 (AKTA 502) PINDAAN HINGGA 19 JULAI 2007 ini penting untuk memastikan pengurusan koperasi berjalan dengan lancar, selain memantau pelaksanaan sesuatu projek dan aktiviti berjaya dilaksanakan supaya kepentingan dan manfaat kepada ahli-ahlinya yang terdiri daripada pekebun kecil terjamin.

5

Selain itu, dengan kuasa yang diberikan, pihak kami berharap peranan RISDA dapat dipertingkatkan, bersifat telus dalam menjalankan tanggungjawab serta meningkatkan keyakinan KPK sebagai agensi kerajaan.

Dengan kerjasama yang diberikan oleh pihak SKM melalui Mesyuarat Interaktif RISDA – SKM yang diadakan setiap tahun untuk membincangkan masalah-masalah serta mencari jalan penyelesaian

6

yang boleh diambil. Ianya adalah salah satu peluang bagi kedua-dua pihak bagi memastikan koperasi mendapat manfaat sepenuhnya. Saya percaya dengan keprihatinan dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurus-pengurus KPK akan dapat meletakkan KPK sebagai satu platform untuk meningkatkan taraf hidup pekerja kecil.

7

Berdasarkan Pencapaian KPK setakat Disember 2008

- 18 buah KPK telah berjaya mencapai untung kasar bernilai melebihi RM300,000.00. Tahniah diucapkan kepada Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurus-pengurus KPK yang berjaya melepassi KPI yang ditetapkan oleh RISDA
- Manakala 12 buah KPK lagi mencapai untung kasar bernilai antara RM200,000.00 hingga RM300,000.00.

8

- Bagi KPK yang belum mencapai sasaran, perlulah memperluaskan lagi urusniaga mereka dan bekerjasama diantara satu sama lain bagi melepassi KPI yang ditetapkan.
- Saya yakin koperasi di bawah seliaan RISDA akan terus berusaha untuk mengekalkan prestasi yang baik di masa hadapan. Contohnya sepanjang tahun 2008, kerjasama 'smartpartnership' diantara Anak-anak syarikat RISDA dengan

9

KPK telah mencapai RM182.36 juta iaitu pencapaian 300% berbanding sasaran awal RM60 juta sahaja.

Y. Bhg. Dato', Tuan/ Puan sekalian

Di bawah Jawatankuasa Dasar KKLW beberapa cadangan memperkasa koperasi luar bandar sebagai wahana mewujudkan masyarakat luar bandar yang berdikari dan berdaya saing ialah:

10

- Setiap Agensi KKLW perlu mewujudkan bahagian bagi menyelia dan membangunkan koperasi sebagai wahana pembangunan secara pakej oleh pekebun kecil bagi mewujudkan masyarakat luar bandar yang berdikari dan kompetitif.
- Merancang dan menyediakan peruntukan latihan kepada pihak pengurusan, ahli lembaga pengarah dan ahli koperasi.

11

- Mempertimbangkan pemberian kerja-kerja kontrak dan pembekalan kepada koperasi dengan semaksima mungkin terutamanya di peringkat awal pembangunan koperasi.
- Memberi keutamaan kepada koperasi bagi mendapat bantuan projek ekonomi desa.
- Memberi kemudahan pinjaman SPED kepada koperasi.
- Memberi keutamaan kepada koperasi untuk membekalkan peralatan pejabat.

12

- Menganjurkan seminar/ bengkel dari masa ke semasa bagi memperkasakan koperasi luar bandar.
- KPK perlu memberi tumpuan kepada teras perniagaan yang terdapat kelebihan dan kemampuan.
- Mewujudkan Unit Projek Berkumpulan bagi membantu pekebun kecil mendapat harga komoditi getah dan sawit yang tinggi berdasarkan kuantiti yang dikumpul dan dijual secara berpukal.

13

Y. Bhg. Dato', Tuan/ Puan sekalian

- Saya berharap NARSCO dan KPK dapat menjalinkan kerjasama yang erat dan kerjasama ini diharap membolehkan pekebun kecil mendapat manfaat.
- Smartpartnership antara KPK, NARSCO dan anak syarikat RISDA diharap mampu memberikan keuntungan kepada

14

semua pihak yang terlibat seterusnya menjana ekonomi negara.

- Terdapat banyak peluang perniagaan dan kemudahan yang boleh digunakan oleh semua KPK dan diharap peluang dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada ini diguna sepenuhnya dan seterusnya semua KPK di bawah selian RISDA mencapai keuntungan dan tiada lagi KPK yang menanggung kerugian.

15

- Antara program RISDA melibatkan KPK adalah pembinaan Depo Belian dan pelaksanaan Program Pembangunan Pemasaran Hasil (PPPH). PPPH terdiri daripada 2 komponen utama iaitu Pusat Pengeluaran Pekebun Kecil (PPPK) dan Pusat Timbang Dan Setor (PTS). Pelaksanaan program ini bertujuan menyediakan kemudahan untuk mengumpul hasil-hasil pertanian pekebun kecil seterusnya dijual secara pukal melalui aktiviti ‘super dealer’.

16

- Pada tahun 2008, sebanyak RM950,000.00 telah diperuntukan dibawah Program Pembangunan Pemasaran Hasil (PPPH) melibatkan pembinaan 7 buah Pusat Pengeluaran Pekebun Kecil (PPPK) dan 6 buah Pusat Timbang dan Setor (PTS).
- Pada tahun 2009, RISDA mensasarkan pembinaan 3 buah Pusat Pengeluaran Pekebun Kecil, 10 buah Pusat Timbang Dan Setor dan 2 unit mesin memproses getah crepe dengan peruntukan sebanyak RM1.55 juta.

17

Y. Bhg. Dato', Tuan/ Puan sekalian

Semoga Konvensyen Koperasi Pekebun Kecil pada kali ini akan memberikan impak yang baik kepada semua KPK dan NARSCO terutama dari segi meningkatkan pencapaian yang seterusnya mampu mengubah kehidupan pekebun kecil sendiri. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat maju jaya kepada semua KPK dan NARSCO dan mudah-mudahan apa yang

18

diperolehi sepanjang bengkel ini menjadi batu loncatan atau sandaran untuk KPK dan NARSCO bergerak lebih maju pada masa akan datang.

Sekian, wabillahi taufik wassalamualaikum W.B.T.

19